



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

ATRIBUT KEJAYAAN GRADUAN

UHMT1012 SEKSYEN 10

TUGASAN 4

REFLEKSI MENGENAI BAJET MALAYSIA 2021

NAMA PELAJAR : SERENE HOE

NO MATRIK : A20BE0269

NO TELEFON : 012-7327578

TAHUN KURSUS : 2020/2021

NAMA PENSYARAH : DR. SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

Bajet merupakan suatu pelan perbelanjaan iaitu cara untuk mengimbangi wang yang dimiliki dan wang yang dibelanjakan. Fokus utama kerajaan dalam bajet Malaysia 2021 adalah menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Pada pendapat saya, tindakan ini diperlukan kerana pada tahun 2020 berlakunya masalah covid-19 menyebabkan ramai orang hidup dalam kesusahan dengan adanya yang kehilangan nyawa akibat penyakit ini. Orang yang menghidap penyakit covid tidak dapat bekerja dan memerlukan kos yang tinggi untuk merawat. Pihak kerajaan juga perlu memberikan bantuan kewangan untuk menambah baik kebajikan golongan rentan. Saya berpendapat bahawa hal ini penting kerana kos sara hidup semakin meningkat dan golongan rentan mengalami masalah kewangan. Golongan rentan yang perlu dijaga adalah warga emas, oku tidak berupaya bekerja dan pesakit kronik terlantar. Bantuan kewangan juga perlu meliputi semua keluarga yang miskin dan bantuan sara hidup 2021 diteruskan. Golongan miskin dapat menggunakan wang ini untuk membeli barang keperluan harian tanpa meminjam dengan orang lain.

Selanjutnya, bajet Malaysia 2021 mengemukakan cadangan menyediakan portal komprehensif dan mesra pengguna bagi memudahkan rakyat Malaysia mencari kerja kerajaan dan di sektor swasta. Saya berpendapat bahawa ini penting kerana pada tahun 2020 berlakunya masalah covid 19 dan menyebabkan ramai orang kehilangan kerja. Banyak pekerja dipecat oleh syarikat kerana ingin mengurangkan kos upah dalam keadaan ekonomi yang tidak kukuh ini. Cadangan ini dapat membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada orang yang kehilangan kerja. Dengan ini, penganggur dapat mencari pekerjaan yang lebih sesuai dengan diri sendiri dan masalah sosial dapat dikurangkan. Contohnya, mereka tidak akan terlibat dalam kegiatan sosial seperti mencuri, meragut dan sebagainya untuk tujuan mendapatkan kewangan semata-mata. Oleh itu, saya berpendapat bahawa cadangan ini dapat membantu menyelesaikan masalah pengangguran dan mengukuhkan ekonomi negara.

Seterusnya, bajet Malaysia 2021 juga memberikan cadangan bahawa mengurangkan cukai koporat di Malaysia. Pada pendapat saya, cadangan ini membolehkan syarikat meneruskan perniagaan dan ekonomi negara dapat dikukuhkan. Hal ini kerana keadaan ekonomi pada tahun 2020 tidak begitu baik dan menyebabkan perniagaan ramai orang terjejas. Syarikat terpaksa menanggung kos yang besar dan mengalami kerugian kerana tidak mendapat keuntungan dalam perniagaan. Terdapat

banyak syarikat terpaksa memecat pekerja untuk mengurangkan kos upah yang terlalu tinggi. Banyak syarikat di Malaysia tidak dapat bekerjasama dengan luar negara secara bersemuka. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk menawarkan atau mempromosikan barang atau perkhidmatan ke luar negara. Kesannya, keuntungan syarikat berkurang dan tidak mendapat pelaburan dari negara lain dan ada syarikat yang terpaksa menamatkan perniagaan. Cadangan ini dapat membantu mereka mengurangkan cukai koporat untuk mengimbangi kos lain yang perlu dibayar seperti kos upah yang terutamanya, kos operasi dan sebagainya.

Cadangan lain yang terkandung dalam bajet Malaysia 2021 adalah bantuan buku teks sepatutnya diberikan dan diperluaskan kepada keluarga yang berpendapatan serdahana dan rendah. Pada pendapat saya, pendidikan ialah pelaburan dalam memastikan kualiti kehidupan yang lebih baik untuk generasi akan datang. Terdapat banyak anak-anak yang tidak dapat menerima pendidikan formal kerana kekurangan kewangan. Bantuan buku teks secara percuma dapat memberi peluang kepada anak-anak yang miskin untuk belajar bersama dengan orang lain. Anak-anak dapat menerima pendidikan yang lebih tinggi dan mencari pekerjaan yang lebih baik dan tidak dipandang rendah oleh masyarakat. Saya juga berpendapat bahawa pihak berkuasa perlu melakukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Hal ini penting kerana murid-murid memerlukan suasana pembelajaran yang kondusif. Pihak berkuasa menyediakan kemudahan asas yang lengkap kepada murid-murid agar mereka dapat belajar dalam persekitaran yang baik. Contohnya, menaik taraf dan membina dewan terbuka atau struktur berbumbung bagi menyediakan tempat berhimpun yang selesa dan selamat untuk murid-murid.

Selain itu, bajet Malaysia 2021 juga mengemukakan cadangan untuk membina lebih baik rumah mampu miliki 2021. Pada pendapat saya, banyak orang tidak mampu membeli sebuah rumah sendiri kerana harga rumah terlalu tinggi dan pendapatan mereka tidak cukup untuk menanggung. Oleh itu, cadangan ini dapat membantu menyediakan perumahan yang berkualiti dan selesa kepada golongan berpendapatan rendah. Contohnya, pihak kerajaan perlulah membina lebih banyak rumah mesra rakyat untuk memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah. Kesannya, mereka berpeluang memiliki sebuah rumah mengikut kemampuan sendiri.

Pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan perjanjian jual beli rumah terhadap orang yang pertama kali membeli rumah. Hal ini penting untuk membantu mereka menjimatkan kos dan wang tersebut digunakan ke tempat lain yang memerlukan. Dengan ini, mereka akan didorong untuk membeli rumah dan taraf hidup masyarakat dipertingkatkan.

Kesimpulannya, saya berpendapat bahawa bajet Malaysia 2021 merupakan harapan rakyat yang dapat meningkatkan taraf hidup mereka berbanding dengan tahun sebelum ini. Masalah covid 19 masih ada dan ini merupakan cabaran yang perlu dihadapi oleh seluruh negara. Rancangan bajet banyak diperlukan terutamanya untuk masalah covid 19 kerana ia memerlukan kos yang tinggi untuk mendapatkan perubatan dan rawatan. Oleh itu, bajet Malaysia 2021 perlulah dirancang dengan teliti agar dapat memanfaatkan semua pihak dan mengukuhkan ekonomi negara.